

# **PENGGUNAAN PENILAIAN DINAMIK UNTUK MENILAI KESAN PENGAJARAN KESEDARAN FONOLOGI KEPADA KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN**

Izzat Ismail

Penyelia: Azlinda Abd Ghani dan Dr Mohd Normani Zakaria

Kajian pendahuluan ini dilakukan untuk mengkaji pelaksanaan penilaian dinamik untuk menilai persembahan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Tujuan lain kajian ini ialah untuk mengetahui kesan pengajaran kesedaran fonologi pada kanak-kanak bermasalah pendengaran. Melalui pengajaran kesedaran fonologi juga, penyelidik menyiasat kemampuan belajar kanak-kanak tersebut. Penyelidikan ini merupakan kajian kes yang dilakukan pada tiga subjek; satu subjek yang dipakaikan implan koklea dan dua kanak-kanak yang memakai alat bantu pendengaran (ABP). Subjek berusia antara 8;0-8;6. Subjek yang memakai implan koklea memiliki usia pendengaran 6;5, manakala subjek yang memakai ABP pula mempunyai usia pendengaran selama 4;6 dan 5;3. Kanak-kanak telah menjalani sesi pra-ujian untuk mendapatkan maklumat awal tentang prestasi mereka. Kemudian, mereka menjalani dua sesi pengalaman belajar bermediasi (MLE) yang mengajar tentang cara untuk melakukan tugas-tugas dalam ujian yang diberikan oleh penyelidik. Setelah itu, mereka menjalani sesi pos-ujian. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa penilaian dinamik terbukti berjaya dalam menilai potensi sebenar kanak-kanak yang bermasalah pendengaran. Keputusan pos-ujian menunjukkan bahawa kemampuan mendengar adalah lebih baik bagi semua kanak-kanak. Kemampuan belajar setiap kanak-kanak dibincangkan. Kesimpulannya, penilaian dinamik terbukti berkesan untuk menilai potensi sebenar kanak-kanak bermasalah pendengaran dengan menyingkirkan sebarang *bias* dalam ujian. Untuk tujuan klinikal, penilaian dinamik boleh diaplikasikan dalam menilai kebolehan kanak-kanak yang mempunyai masalah komunikasi yang lain.

**Kata kunci:** Penilaian dinamik, kesedaran fonologi, kanak-kanak bermasalah pendengaran

# USING DYNAMIC ASSESSMENT TO EVALUATE THE EFFECTS OF TEACHING PHONOLOGICAL AWARENESS TO HEARING IMPAIRED CHILDREN

Izzat Ismail

Supervisors: Azlinda Abd Ghani dan Dr Mohd Normani Zakaria

This early study was done to investigate the implementation of dynamic assessment to assess the performance of hearing impaired children. The study also aims to investigate the effects of teaching phonological awareness on the children's listening skills. The researcher also investigates the learning ability of the children via the phonological awareness teaching. This research was a case study of 3 subjects; 1 cochlear implantee and 2 hearing aids wearer children. The subjects' age range is 8;0 to 8;6. The cochlear implant subject hearing age was 6;5, and the other two hearing aids wearers hearing age were 4;6 years old and 5;3 years old respectively. The children had undergone a pre-test session to obtain information about their current levels. Then, they had 2 mediated learning experience (MLE) sessions that teaches how to perform in the test prepared by the researcher. After which, they had their post-test session. The data obtained were analyzed descriptively. The results revealed that dynamic assessment was proven to be successful in assessing the true potential of hearing impaired children. Post-test findings showed that listening skills of the children improved. The learning ability of each child was discussed. In conclusion, dynamic assessment was proven effective for assessing the true potential of hearing impaired children as it ruled out any possible biases. For clinical purposes, one can implement dynamic assessment in other communication disorders children.

**Key words:** Dynamic assessment, phonological awareness, hearing impaired children

Ismail, I. 2009. *Using Dynamic Assessment To Evaluate The Effects Of Teaching Phonological Awareness To Hearing Impaired Children*. Bachelor of Health Science (Speech Pathology). Universiti Sains Malaysia